

## **SIARAN MEDIA**

### **AGENSI NUKLEAR MALAYSIA KOMITED MENJALANKAN PENYELIDIKAN BAGI BENIH PADI IS22 YANG RINTANG BANJIR**

---

**BANGI, 11 MAC 2022** - Kelmarin, bersamaan 9 Mac 2002 semasa Majlis Penyerahan Benih Padi IS21 kepada petani dan pesawah di Endau, YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob telah meminta agar Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Agensi Nuklear Malaysia menjalankan penyelidikan bagi penghasilan benih padi yang berdaya tahan tinggi jika ditenggelami air, khususnya apabila berlaku banjir.

Menteri MOSTI, YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba menyambut baik permintaan YAB Perdana Menteri ke arah komitmen kerajaan bagi membantu petani dan pesawah agar tidak rugi jika tanaman mereka terjejas berikutan cuaca ekstrem tidak menentu.

Menurut Dato' Sri Dr. Adham, “Agenzi Nuklear Malaysia telah pun memulakan penyelidikan bagi menghasilkan varieti benih padi yang ditambah baik ini. Varieti baru benih padi ini akan diberi nama IS22”.

Tambahnya, “Agenzi Nuklear Malaysia sentiasa proaktif mencari pelbagai kaedah penambahbaikan menggunakan teknologi nuklear dan sentiasa bertindak berdasarkan isu perubahan cuaca global”.

Untuk makluman, penyelidikan yang dilakukan bagi tujuan penyelidikan benih padi IS22 ini adalah dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Pertanian Malaysia dan Universiti Teknologi Mara serta bantuan teknikal daripada Badan Tenaga Atom Antarabangsa dan Agensi Tenaga Atom Jepun di bawah platform *Forum Nuclear Cooperation in Asia*.

Seorang pegawai penyelidik Agensi Nuklear Malaysia juga ketika ini sedang membuat kajian PhD untuk mendapatkan padi yang rintang kepada banjir (*submerge*) di mana padi IS21 dikahwinkan dengan kaedah kacukan balik (*advanced backcross method*) dengan varieti yang tahan banjir dan matang awal.

Pada masa sama, Agensi Nuklear Malaysia juga sedang menjalankan penyelidikan padi tahan kemarau yang juga dibuat tahun ini menggunakan padi tradisional wangi hitam diaruh mutasi menggunakan alur ion (*ion beam*) khidmat sinaran yang diperolehi daripada *Quantum and Radiological Science and Technology (QST)*.

Kajian ini mungkin mengambil masa beberapa tahun dan memerlukan dana penyelidikan sebelum satu varieti yang berpotensi dihasilkan untuk kegunaan petani dan pesawah.

**#TAMAT#**